

Najib: Yayasan Pergerakan Kesederhanaan Global Dilancar Januari Depan Bernama
13 November , 2011
Oleh Mikhail Raj Abdullah

HONOLULU, 13 Nov (Bernama) -- Yayasan Pergerakan Kesederhanaan Gobal akan dilancarkan secara rasmi di Kuala Lumpur, Januari tahun depan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak pada Sabtu.

Beliau berkata penubuhan yayasan itu amat tepat dengan masanya iaitu ketika sokongan antarabangsa terhadap kesederhanaan semakin meningkat momentumnya dalam menghadapi tindakan puak pelampau di seluruh dunia.

Yayasan itu akan dilancarkan pada persidangan antarabangsa pertama mengenai Pergerakan Kesederhanaan Global di Kuala Lumpur dari 17 hingga 19 Jan tahun depan yang dianjurkan Alumni Universiti Islam Antarabangsa, kata Perdana Menteri ketika berucap di East-West Center di sini pada Sabtu.

"Inilah masanya untuk kita, golongan majoriti yang cintakan keamanan dan kesederhanaan, untuk menuntut kembali kedudukan kita yang sebenar," kata beliau di hadapan kira-kira 200 jemputan antarabangsa dalam majlis yang dipengerusikan Presiden pusat itu Dr Charles E.Morrison.

Najib berada di sini untuk menghadiri Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) pada Ahad yang akan dipengerusikan Presiden Amerika Syarikat Barack Obama.

Sebelum itu, beliau menghadiri mesyuarat kali pertama pemimpin Perkongsian Trans-Pasifik (TPP) dan juga perbincangan bilateral dengan rakan sejawatannya dari Rusia Dmitry Medvedev .

Turut hadir Datuk Bandar Honolulu Peter Carlisle dan bekas Duta Besar Amerika ke APEC Lauren Moriarty, selain bekas gabenor bandaraya itu John Waihee, yang juga konsul kehormat bagi Malaysia di Hawaii.

Dalam respons segera selepas ucapan Najib yang mana hadirin berdiri sambil memberi tepukan gemuruh, Dr Morrison berkata pusat itu berminat untuk menjadi ahli lembaga yayasan itu memandangkan nilai mulia dan aspirasinya selari dengan prinsip antarabangsa mengenai keamanan dan keadilan.

Pengerusi Lembaga Pentadbir pusat itu Puongpun Sananikone memberitahu Bernama bahawa pendirian Najib yang konsisten berhubung kesederhanaan akan menyediakan kepimpinan yang telah benar-benar hilang dalam arena global bagi menangani puak pelampau.

"Sudah tiba masanya golongan sederhana berhenti daripada menjadi penonton dan melibatkan diri dalam menuntut keamanan dan keadilan dan menjadikan pendapat mereka didengar," kata Sananikone.

Sambil menyifatkan ucapan Perdana Menteri sebagai ikhlas dan berterus terang, beliau berkata sudah tiba masanya dunia mendengar sudut pandangan berhubung kesederhanaan yang didukung Najib.

"Ini (kesederhanaan) sebenarnya apa yang kita perlukan di seluruh dunia hari ini (dan) untuk membawa balik kewarasan dan kesederhanaan dalam menghadapi puak pelampau hari ini," katanya.

"Kita benar-benar memerlukannya sekarang dan ianya konsisten dengan yang cuba dilakukan oleh East-West Center," katanya.

Menjawab satu soalan sama ada golongan sederhana atau puak pelampau telah menang sekarang, beliau berkata golongan sederhana kini telah bangun dan "kita tidak boleh menjadi penonton semata-mata tetapi dengan melibatkan diri."

Sambil menggesa masyarakat antarabangsa supaya menyatakan dengan tegas pendirian mereka dalam menentang tindakan pelampau, Najib berkata: "Kita perlu pastikan suara kita didengari - bukan saja suara umat Islam yang bersikap sederhana, tetapi juga suara penganut agama Kristian, Hindu, Yahudi dan ateis yang berpendirian sederhana."

Beliau melahirkan rasa kesal bahawa sejak begitu lama, kurangnya tindakan kolektif di pihak majoriti golongan sederhana yang telah mengalah kepada puak minoriti pelampau yang membenarkan perbincangan dikuasai oleh mereka yang lantang bersuara dan bukan oleh akal dan fikiran.

"Sudah tiba masanya bagi kita, golongan majoriti yang cintakan keamanan dan kesederhanaan untuk menuntut kembali kedudukan kita yang sebenar...kita tidak boleh diam membisu dalam menghadapi puak pelampau dan keganasan," katanya.

Beliau juga memberi amaran bahawa pergerakan itu tidak sepatutnya hanya setakat satu latihan akademik semata-mata tetapi tindakan sebenar perlu diambil bagi membawa perubahan sebenar.

Kerajaan mesti menunjukkan teladan, katanya. "Takkan kita mengharapkan kesederhaan daripada orang lain jika tindakan kita sendiri membawa kita jauh daripada jalan yang sebenar," katanya.

Najib berkata pergerakan yang diumumkan di pada Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa Bersatu tahun lepas semakin mendapat tarikan dan menerima sokongan meluas, malah bulan lepas pada mesyuarat ketua-ketua kerajaan Komanwel di Australia dan begitu juga oleh Setiausaha Negara Amerika Hillary Clinton.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=626499>